
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008**

April 2008

JFW 362 – PENGURUSAN INSTITUSI KEWANGAN DAN PASARAN

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi 2 Bahagian: Bahagian A dan Bahagian B. Anda dikehendaki menjawab **SEMUA** soalan dari Bahagian A dan **TIGA (3)** soalan dari Bahagian B.

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Setiap soalan diperuntukkan 20 markah.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

BAHAGIAN A
Jawab SEMUA soalan

SOALAN 1 (20 markah)

Ekonomi kekal pada landasan kukuh: Zeti

PERTUMBUHAN ekonomi Malaysia akan kekal menggalakkan tahun depan didorong permintaan kukuh domestik dan kadar faedah yang ‘berpatutan’, meskipun jika berlaku kelembapan eksport, kata Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz. “Kami menjangkakan ekonomi kekal berada dalam landasan mengukuh seperti yang dicatat sejak tiga tahun lalu... aliran ini akan berterusan hingga tahun depan, meskipun terdapat kemungkinan penurunan dalam eksport... kadar dasar bank pusat masih rendah bagi merangsang ekonomi dan kerajaan tidak terburu-buru untuk mengetatkan dasar dengan inflasi ‘terlalu rendah’ dan kenaikan harga dijangka menyederhana.”

Beliau mengulangi bahawa pihak berkuasa tidak mensasarkan tahap kenaikan ringgit apabila campur tangan bagi mengekang pergerakan naik turun semasa nilai mata wang tempatan itu. “Justeru, kerajaan belum bersedia untuk membenarkan ringgit diurus niaga di seberang laut sehingga pasaran tukaran asing benar-benar membangun,” katanya.

(Berita Harian, 17 Disember 2007)

Berdasarkan petikan akhbar diatas, apakah yang anda fahami tentang kestabilan monetari dan kestabilan kewangan? Mengapakah kedua-duanya begitu penting? Jelaskan bagaimana Bank Negara Malaysia memainkan peranan bagi memastikan kestabilan monetari dan kewangan.

SOALAN 2 (20 markah)

Pasaran kewangan yang cekap dapat menyediakan akses yang lebih baik kepada sektor korporat, kerajaan dan sub-kerajaan untuk melakukan urusniaga perbankan dan perkhidmatan kewangan mereka. Apakah jenis-jenis pasaran kewangan yang ada di Malaysia? Bagaimanakah setiap pasaran kewangan tersebut berperanan?

BAHAGIAN B

Jawab mana-mana TIGA (3) soalan.

SOALAN 3 (20 markah)

Kegiatan perbankan dan kewangan pada masa kini tidak hanya tertumpu kepada aktiviti pengumpulan deposit dan pemberian pinjaman sahaja. Firma perkhidmatan kewangan hari ini yang dikenali sebagai perbankan sejagat (universal banking) ibarat sebuah kilang yang menjalankan aktiviti memproses maklumat dan menawarkan segala bentuk perkhidmatan kewangan kepada pelanggan-pelanggan.

Huraikan EMPAT (4) bentuk perkhidmatan kewangan utama yang ditawarkan oleh institusi perbankan sejagat ini.

SOALAN 4 (20 markah)

Sistem kewangan dikatakan cekap apabila ia berupaya menjalankan fungsi-fungsi terasnya (core functions) dengan berkesan. Kecekapan sistem kewangan adalah penting kerana ia merupakan nadi kepada perkembangan ekonomi negara. Tanpa sistem kewangan yang cekap, perkembangan ekonomi negara akan terbantut.

- (a) Senaraikan dan jelaskan LIMA (5) fungsi teras sistem kewangan. (10 markah)
- (b) Senaraikan dan jelaskan DUA (2) kaedah penilaian kecekapan sistem kewangan. (10 markah)

SOALAN 5 (20 markah)

Dalam era globalisasi dan dunia tanpa sempadan yang dicetuskan oleh kemajuan teknologi komunikasi dan pengangkutan, sesebuah bank mesti mempunyai keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan pantas yang berlaku bagi menjamin kelangsungan (survival) organisasi mereka. Salah satu kaedah penyesuaian yang selalu dijalankan oleh bank-bank adalah melalui penyatuan dan penggabungan. Terangkan kebaikan-kebaikan yang diperolehi oleh bank-bank yang melakukan proses penyatuan dan penggabungan ini.

SOALAN 6 (20 markah)

Institusi-institusi kewangan di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua, iaitu institusi kewangan perbankan dan pengantara kewangan bukan bank. Huraikan LIMA (5) pengantara kewangan bukan bank yang anda tahu.

SOALAN 7 (20 markah)

Malaysia berdaya tahan hadapi krisis subprima

KUALA LUMPUR 31 Ogos – Malaysia kini lebih berdaya tahan dalam mengharungi sebarang krisis ekonomi dan kewangan dunia yang dijana daripada krisis gadai janji subprima AS. Pakar Ekonomi terkemuka dunia, Professor Joseph E. Stiglitz berkata, cabaran ekonomi itu mampu ditangani berdasarkan struktur ekonomi negara yang mantap dan rizab antarabangsanya yang kukuh.

(Utusan Malaysia, 31 Ogos 2007)

Apakah yang anda fahami tentang krisis subprima? Pada pendapat anda adakah perkara ini juga wujud di negara kita? Apakah pengajaran yang boleh diambil dari situasi yang berlaku di Amerika Syarikat?